

28/10/1998

PM tolak dakwaan terhadap polis

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan polis melakukan provokasi untuk membangkitkan kemarahan penunjuk perasaan di Kampung Baru Sabtu lalu, sehingga menyebabkan mereka bertindak ganas.

Sambil menyifatkan dakwaan itu tidak berasas, Perdana Menteri berkata penunjuk perasaan melakukan provokasi kerana membawa bersama petrol, bom api (molotov cocktail), batu dan objek tajam.

"Mereka bercadang untuk bertindak liar seperti yang berlaku di Indonesia dan mahu demonstrasi berterusan.

"Demonstrasi bermula secara aman. Bagaimanapun, selepas tindakan mereka tidak mendapat sokongan dan mencapai objektif, mereka mula bertindak ganas," katanya mengulas dakwaan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, bahawa polis membangkitkan kemarahan mereka yang datang mengadakan demonstrasi.

Dalam satu risalah yang diedarkan kepada orang ramai sebelum rusuhan Sabtu lalu, mereka yang menyertai tunjuk perasaan diminta membawa tali, tuala, air dalam botol dan sedikit minyak tanah atau petrol untuk melindungi diri.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis perlu mengambil langkah awal menghalang penunjuk perasaan daripada bertindak ganas kerana mereka membawa petrol.

"Polis hanya menggunakan air untuk menyurai dan mengurangkan semangat mereka (penunjuk perasaan). Mereka tidak dipukul.

"Walaupun jika polis membuat provokasi, mereka membawa petrol dan bom api. Mereka tidak seharusnya membawa barang berkenaan, termasuk objek tajam dan batu dalam jaket," katanya.

Mengenai kenyataan pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang tunjuk perasaan anti kerajaan sejak kebelakangan ini di ibu negara bertujuan melengahkan perbicaraan Anwar, Dr Mahathir berkata, Hishammuddin mungkin mempunyai bukti mengenainya.

"Adalah jelas tunjuk perasaan itu mirip kepada kejadian di Indonesia. Sudah pasti mereka mahu ia lebih ganas daripada apa yang berlaku di Indonesia.

"Mereka mahukan ia berterusan supaya kerajaan boleh digulingkan. Yang paling penting ialah apabila kerajaan digulingkan tiada lagi perbicaraan bagi bekas Timbalan Perdana Menteri dan beliau akan dibebaskan begitu sahaja," katanya.

Mengenai pembebasan Hishammuddin Rais yang ditahan polis ketika rusuhan Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata, mungkin ada bukti yang beliau tidak terbabit.

Hishammuddin yang dibebaskan pagi semalam selepas ditahan berikutan rusuhan di Kampung Baru, menafikan menjadi dalang perhimpunan haram berkenaan.

(END)